

JADI BAIK DENGAN TUNAIKAN *Solat*



TARGET V.I.P.

**BAIK YANG TERBAIK KETIKA
BERBAIK-BAIK DENGAN
ILAH (SOLAT).**

DOA

**DOA DICUKUPKAN
KEPERLUAN**

رَبِّ اجْعَلْنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ
ذُرِّيَّتِي رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءِ

MAKSUDNYA: "Wahai
Tuhanku, jadikan daku orang
yang mendirikan solat dan
begitu juga zuriatku. Wahai
Tuhan kami, perkenankanlah
doa permohonanku."
(Surah Ibrahim 40 :14)

Fitrah manusia suka kepada kebaikan. Namun adakah apa yang kita lakukan selaras dengan kebaikan yang Allah mahukan? Siapa dan bagaimana untuk menjadi individu atau hamba yang baik menurut penilaian Allah?

f facebook.com / Wardah Safiah Wanza Mohamad

Menjadi kesayangan Allah dengan balasan nikmat yang indah-indah, satu kerugian tidak terkata andai kita leka dan tidak mengemaskinkan niat berbuat baik sepanjang tempoh hidup yang diberi ini.

Lihat sahaja, menjadi atau adanya insan yang baik dalam kalangan rakan atau ahli keluarga sudah pun membahagiakan kehidupan, apalagi andai bertuah menjadi kesayangan Allah.

Tujuh golongan yang mendapat keistimewaan daripada Allah kelak telah kita tahu. Adakah hanya senarai tujuh orang itu yang berpeluang menjadi kesayangan-Nya nanti? Sudah pasti tidak. Sebenarnya terlalu banyak ruang yang dibuka kepada kita untuk menjadi yang terbaik.

BERBUAT BAIK

Allah itu cantik dan suka kepada kecantikan. Cantik pada akhlak, niat dan tindakan, itu juga kebaikan. Subhanallah, ternyata sifat al-Rahim milik-Nya tidak terkira. Kerana itu dikhabarkan, setiap kebaikan yang dilakukan meskipun sebesar zarah akan beroleh balasan kebaikan kelak. Begitulah sebaliknya.

Insya-Allah, ruangan VIP kali ini akan cuba membongkar dan meneliti salah satu rahsia untuk menjadi VIP Allah. Al-Quran banyak memperihalkan perkara tersebut. Surah Luqman antaranya ada menyebut mengenai kriteria orang yang berbuat kebaikan. Jom kita semak.

Allah berfirman yang bermaksud: "Inilah ayat-ayat al-Quran yang mengandungi hikmah. Sebagai petunjuk dan rahmat bagi orang yang berbuat kebaikan." (Surah Luqman 31: 3)

SOLAT MEMBINA PERWATAKAN

Lihat susunan kebaikan dalam ayat **keempat**. Solat menjadi keutamaan disusuli berzakat dan meyakini akhirat. Mengapa? Sudah pasti kerana kuasa solat itu sendiri. Nah, satu tip mudah. Antara cara untuk menjadi orang yang berbuat baik itu adalah dengan menunaikan solat!

Amalan pertama yang akan disoal di padang mahsyar kelak ialah perihal solat. Kesempurnaan dalam melaksanakannya memang perlu dititikberatkan. Solat itu perbuatan dan bukti zahir ketaatan seorang hamba kepada Tuhannya. Tidak dinafikan, hubungan dengan Allah membina hubungan sesama insan.

KUASA SOLAT DALAM MEMBENTUK KARAKTER

SIAPAKAH INDIVIDU TERSEBUT?

1. Orang yang menunaikan solat.
2. Mengeluarkan zakat.
3. Meyakini adanya hari akhirat. *[Surah Luqman 31: 4]*



WAN NOR ZAILAH WAN MOHAMAD
B.A. Bahasa Arab & Komunikasi, USIM


KUASA SOLAT	KAITKAN DENGAN PEMBINAAN KARAKTER DIRI DAN KEHIDUPAN
1. Kebersihan Bersih bukan pada pakaian dan tempat sujud sahaja tetapi termasuk juga kebersihan hati).	
2. Berkumpulan (solat berjemaah) Syurga itu dimasuki secara berpimpinan tangan, bukan berseorangan.	
3. Disiplin dengan masa dan patuh kepada pemimpin (imam).	
4. Tertib dan sistematik Ada rukun dan syarat yang perlu dijaga.	
5. Budaya tegur-menegur dan nasihat dan menasihati. Makmum boleh menegur bacaan imam yang salah dengan adab yang digariskan.	

Perasaan atau tidak, kesemua elemen itu sedang membina karakter dan personaliti kita sebagai seorang

khalifah yang baik ketika di luar waktu solat. Baik solat, maka akan baik juga tuntutan ibadah yang lain. Sungguh, solat mendidik kita berakhlak dengan Allah dan kesannya mempengaruhi perhubungan sesama manusia!

PADANYA ADA KEJAYAAN

Laungan azan mendayu lagi. "*Hayya 'ala al-solah. Hayya 'ala al-falah*". Sudahkah kita benar-benar tersentak dengan seruan "marilah tunaikan solat" dan "marilah menuju kejayaan"? Ya, ingat kembali. Antara individu yang berbuat kebaikan itu ialah sesiapa yang mendirikan solat. Padanya ada kejayaan. Subhanallah!

Yang mengingati Tuhan sama ada ketika melakukan ibadah khusus atau tidak, mereka itulah yang berbuat baik. Pasti menjadi kesayangan Tuhan, mudah-mudahan. Insyaa-Allah. 

SOLAT ITU PERBUATAN DAN BUKTI ZAHIR KETAATAN SEORANG HAMBА KEPADA TUHANNYA. TIDAK DINAFIKAN, HUBUNGAN DENGAN ALLAH MEMBINA HUBUNGAN SESAMA INSAN.

Refleksi VIP

Diriwayatkan daripada al-Nawab bin Sam'an, aku bertanya kepada Nabi s.a.w. tentang kebaikan dan dosa, lalu Baginda menjawab: "Kebaikan ialah akhlak yang baik, manakala dosa ialah apa yang berbolak-balik di dalam dada engkau dan engkau tidak gemar manusia mengetahuinya." (Riwayat Muslim)